

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA MENTERI MENTOR DAN
PENYERAHAN KAD DISKAUN SISWA 1MALAYSIA

Jumaat | 21 September 2012, 2pm
Masjid Saiyidina Abu Bakar UTeM

1

Bismillahir rahmanir rahim
Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera

Terima kasih diucapkan kepada Pengerusi majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Shaziman b. Abu Mansor,
Menteri Kerja Raya Malaysia merangkap Menteri Mentor UTeM

Y.Bhg. Encik Abdul Majid b. Abdul Rahim
Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi &
Kepenggunaan

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani b. Mohd. Nor,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

2

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie b. Ismail
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Dekan-dekan, Pegawai-pegawai kanan, Wakil-wakil media, para pelajar, seterusnya, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

*Indah berbalam si awan petang, Berarak di celah pepohon ara;
Kata aluan selamat datang, Assalamualaikum pembuka bicara*

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi atas limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul

3

bersempena Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada kepada Y.B. Dato' Seri Shaziman b. Abu Mansor, Menteri Kerja Raya Malaysia merangkap Menteri Mentor UTeM kerana telah sudi hadir untuk menyerahkan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia dan seterusnya beramah mesra bersama pelajar-pelajar UTeM.

*Manisnya roti bergula pastur, Sedap terasa banyak permintaan;
Ramah mesra dengan Menteri Mentor, Wadah ukhuwah jalinkan kemesraan*

3. Untuk makluman, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia telah dilancarkan oleh Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin b. Yasin, Timbalan

4

Perdana Menteri Malaysia pada 2 Julai 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Pelancaran kad ini adalah hasil idea mahasiswa sendiri melalui Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan pada 21 November 2011 yang lalu. Ianya memberi manfaat kepada lebih kurang 1.5 juta Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta seluruh negara yang terdiri daripada pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian jangka panjang yang tempoh masanya 1 tahun dan ke atas. Para pelajar bakal mendapat **diskaun sehingga 60 peratus** di mana bagi UTeM, lebih **9 ribu** pelajar akan menikmati KADS1M yang mula diedarkan pada minggu ini.

5

4. Menerusi KADS1M dapat membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta seluruh negara. Pelbagai inisiatif bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat telah diperkenalkan antaranya ialah mewujudkan **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** yang menjual barangan keperluan pada harga lebih murah berbanding jenama lain yang setanding kualitinya. Produk **Koop 1Malaysia** misalnya juga menjual barangan harga rendah seperti KR1M dan turut dijual di IPT bagi membolehkan siswa mendapatkan barangan keperluan pada harga yang murah, berkualiti dan berada dalam kemampuan para siswa. **UTeM** sendiri tidak terkecuali dalam menjual barangan 1Malaysia di Kedai Kosiswa. Begitu juga dengan konsep Menu Rakyat

6

1Malaysia (MR1M) yang diperkenalkan di mana di UTeM, terdapat 4 kafetaria telah menyediakan menu rakyat.

Y.B. Dato' serta hadirin sekalian,

5. Golongan mahasiswa tidak terkecuali berhadapan dengan **masalah dan isu-isu kepenggunaan**. Terdapat pelbagai laporan mengenai mahasiswa yang menjadi mangsa penipuan dalam proses jual beli, mahasiswa terlibat dengan skim-skim kepentingan atau pelaburan palsu, belia yang muflis dan banyak lagi. Cabaran-cabaran dunia masa kini memerlukan golongan mahasiswa untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu, khususnya ilmu kepenggunaan supaya mereka mampu mengaplikasikan

7

perlindungan sendiri, berupaya untuk memperjuangkan hak-hak mereka dan menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagai pengguna.

6. Walaupun subjek kepenggunaan tidak diajar secara rasmi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPT, **ilmu kepenggunaan** merupakan subjek pelajaran sepanjang hayat yang amat penting bagi mempersiapkan para siswa untuk menghadapi cabaran hidup khususnya sesudah bergraduasi nanti.
7. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri Shaziman b. Abu Mansor kerana telah sudi hadir ke

8

majlis ini serta kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia peringkat UTeM. Kepada para mahasiswa yang merupakan **future leader dan future consumer**, saya berharap agar inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya yang secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan hidup serta dapat meningkatkan prestasi pembelajaran. Pelajar harus **bijak berbelanja, sentiasa fokus terhadap pelajaran dan menentukan keutamaan** mereka demi mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan dan dunia luar yang jauh lebih mencabar.

9

*Gagasan 1 Malaysia miliki rasa sepunya, Keutamaan rakyat sentiasa diperhalusi
Kad (KDS1M) manfaatkanlah sebaiknya, Bijak berbelanja tingkatkan prestasi*

8. Dengan ini, saya akhiri ucapan saya dengan kalimah yang mulia, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Wrt. Wbt. dan salam sejahtera.

Sekian, terima kasih.

10